CAMBRIDGE
International Education

Cambridge IGCSE™

MALAY **0546/13**

Paper 1 Listening **May/June 2026**

TRANSCRIPT **Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)**

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

© Cambridge University Press & Assessment 2026

v1

https://xtremepape.rs/

E Cambridge International Education, June 2026 examination in Malay. Paper 1, Listening for Cambridge IGCSE.

M1 Soalan-soalan 1 hingga 8

M1 Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

M1 Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak dua kali.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

M1 Anda menolong ibu anda berkebun.

(3 seconds.)

M1 Soalan 1

M1 Anda mahu tahu pada pukul berapa ibu mahu mula berkebun. Ibu berkata:

F1 * Kita mula berkebun pada pukul 10 pagi.

M1 Pada pukul berapa ibu mahu berkebun? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

M1 Soalan 2

M1 Ibu mahu anda potong rumput. Ibu berkata:

F1 * Guna pemotong rumput untuk memotong rumput.

M1 Apa yang anda mesti guna? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

M1 Soalan 3

M1 Anda mahu tahu ibu mahu buat apa selepas berkebun.

F1 *Ibu akan pergi ke kafe untuk berjumpa kawan.

M1 Di manakah ibu akan berjumpa kawannya? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

M1 Soalan 4

M1 Anda lapar. Ibu berkata:

F1 * Ada sandwic ayam di dalam bakul.

M1 Ada apa di dalam bakul? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

M1 Soalan 5

M1 Hari semakin panas. Ibu berkata:

F1 * Tolong ambil topi ibu dari dalam rumah.

M1 Apakah yang ibu mahu anda ambil? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

M1 Soalan 6

M1 Kakak anda, Ani, mahu menolong ibu. Dia berkata:

F1 * Boleh saya siram pokok?

M1 Kakak anda mahu buat apa? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

M1 Soalan 7

M1 Ibu mahu berehat. Dia berkata:

F1 * Ibu mahu duduk sebentar di atas kerusi.

M1 Di manakah ibu mahu duduk? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

M1 Soalan 8

M1 Anda ingin membuat sesuatu pada waktu petang. Ibu berkata:

F1 * Pergilah baca buku di dalam bilik.

M1 Apakah yang anda akan buat pada waktu petang? **

*(Pause 10 seconds. Repeat from * to **. Pause 5 seconds.)*

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

M1 Soalan-soalan 9 hingga 14

M1 Anda akan mendengar satu pengumuman. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak dua kali.

M1 Pengumuman akan dihentikan seketika.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 30 seconds.)

M1 * Selamat datang ke Pusat Membeli-belah Taman Indah! Hari ini ialah hari pertama pusat membeli-belah ini membuka pintunya kepada orang ramai. Apa sahaja yang anda perlukan ada dijual di sini. Kami menjual hasil tempatan sahaja untuk menolong orang tempatan.

M1 Para pelanggan boleh meletakkan kereta secara percuma selama dua jam. Anda boleh letak kereta dengan selamat di tingkat bawah tanah. Anda juga boleh membeli-belah sementara kereta anda dicuci.

M1 Segala barang keperluan dapur dijual di pasar raya yang terletak di aras tingkat bawah. Produk-produk tempatan yang dijual di sini termasuklah kopi kampung, sayur-sayuran, ulam-ulam serta kuih-muih. Daging dan makanan laut juga boleh dibeli di sini.

(Pause 5 seconds.)

M1 Di Tingkat 1 terdapat butik-butik yang menjual pakaian-pakaian moden dan juga pakaian tradisional yang dihasilkan oleh pereka-pereka tempatan.

M1 Kalau anda kelaparan, anda boleh menjamu selera di Medan Selera yang terletak di Tingkat 3. Pelbagai macam makanan dan minuman dijual di sini dengan harga yang berpatutan.

M1 Kami juga ada dua pawagam yang terletak di Tingkat 4. Anda boleh datang dengan keluarga anda ataupun kawan-kawan untuk menikmati filem-filem terbaharu. Selamat berhibur. **

(Pause 10 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to ** then pause 10 seconds.)*

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

M1 Soalan-soalan 15 hingga 19

M1 Anda akan mendengar dialog antara Jamal dengan Nora tentang rancangan pesta antarabangsa di sekolah mereka.

M1 Anda akan mendengar dialog ini sebanyak dua kali.

M1 Padankan nama negara dengan kenyataan yang betul **A**, **B**, **C**, **D**, **E** atau **F**. Bagi setiap negara, tulis huruf yang betul **A** hingga **F** di atas garis jawapan.

M1 Anda mempunyai beberapa saat untuk membaca maklumat.

(Pause 30 seconds.)

M1 * Helo Nora. Kamu sudah ada rancangan untuk pesta antarabangsa sekolah kita?

F1 Ya, saya sudah pun berbincang dengan beberapa wakil pelajar dari pelbagai negara. Ramai yang mahu menonjolkan budaya mereka. Misalnya, para pelajar India mahu menunjukkan tarian klasik tertua di India. Tarian ini melibatkan hentakan kaki seperti yang kita nampak pada lukisan India.

M1 Sungguh menarik. Apa lagi?

F1 Sekumpulan pelajar Filipina akan mempersembahkan sebuah tarian rakyat yang menggunakan buluh. Sekurang-kurangnya dua orang penari akan mengetuk buluh di atas tanah. Seorang atau lebih penari akan melompat di antara buluh-buluh ini.

M1 Oh ya, saya pernah melihat tarian ini. Ada apa lagi selain daripada tarian?

F1 Ada beberapa gerai makanan. Salah satunya ialah gerai makanan Turkiye. Para pelajar Turkiye akan menjual makanan seperti kebab, baba ghanoush dan tentu sekali, manisan Baklava. Kebanyakan makanan Turkiye berasal dari zaman Ottoman lagi.

M1 Saya pun sudah rasa lapar!

F1 Untuk menjamu mata pula kita akan adakan pertunjukan pakaian negara Korea Selatan. Ada pakaian yang dipakai khas untuk istiadat-istiadat, perayaan dan juga semasa kematian.

M1 Tidak ada permainan muzik?

F1 Ada. Sekolah kita ada kumpulan angklung yang terdiri daripada pelajar-pelajar Indonesia. Angklung merupakan alat muzik yang diperbuat daripada buluh. Setiap angklung menghasilkan satu bunyi. Jadi, untuk menghasilkan muzik memerlukan ramai pemain angklung yang menggoncang alat ini. **

(Pause 10 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to ** then pause 10 seconds.)*

https://xtremepape.rs/

M1 Soalan-soalan 20 hingga 28

M1 Anda akan mendengar satu temu bual dengan Padma, seorang pemandu pelancong. Temu bual ini terdapat dalam dua bahagian.

M1 Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24

M1 Anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

(Pause 30 seconds.)

M1 * Helo Padma. Sudah lama Padma menjadi pemandu pelancong?

F1 Helo. Saya mula bekerja dengan bapa saya selepas saya tamat persekolahan lima tahun lalu. Pada masa itu bapa saya baru menubuhkan syarikatnya untuk membawa para pelancong dari luar negara ke seluruh negara kita. Saya cuma ingin menolong bapa buat sementara waktu sahaja kerana dia tidak cukup kakitangan. Saya berangan-angan untuk melanjutkan pelajaran saya.

M1 Apa yang membuat Padma terus bekerja?

F1 Bapa saya sakit. Tetapi dia masih mahu bekerja di pejabat. Bekerja sebagai pemandu pelancong, kami mesti keluar membawa pelancong. Oleh kerana saya sudah kenal tempat-tempat yang pelancong suka melawat, mudah bagi saya untuk mengambil alih tugas ini.

M1 Jadi Padma tunda rancangan untuk terus belajar?

F1 Bukan sahaja tunda tapi batalkan terus cita-cita untuk menjadi pengkaji sejarah. Sekarang, saya lebih banyak belajar tentang sejarah negara sendiri semasa saya membawa pelancong ke tempat-tempat penuh sejarah.

M1 Padma tidak menyesal?

F1 Tidak, malah saya rasa tercabar untuk membuat lebih daripada apa yang bapa saya mulakan. Saya berhasrat membawa pelancong dari sini ke luar negara.

M1 Bagaimanakah syarikat Padma berkembang?

F1 Syarikat ini sudah menjadi syarikat keluarga dengan adanya bantuan sepupu-sepupu saya. Mereka juga ada kepentingan dalam syarikat ini. **

(Pause 15 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to ** then pause 15 seconds.)*

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual dengan Padma sebanyak dua kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

(Pause 30 seconds.)

M1 *** Bagaimanakah Padma akan meningkatkan lagi perkhidmatan yang ditawarkan?

F1 Seorang sepupu berpengalaman dalam bidang pemasaran, dua orang lagi fasih berbahasa Perancis, Jerman dan Arab. Dengan kepakaran ini, kami berharap untuk menjadi agensi pelancongan kegemaran bagi pelancong dari Eropah dan Timur Tengah.

M1 Bagaimanakah Padma nampak syarikat ini dalam masa 10 tahun lagi?

F1 Kami tidak mahu dikenali sebagai pembekal pemandu pelancong sahaja. Bapa saya mula bekerja dengan syarikat yang mahu perkhidmatannya. Sekarang kami mampu menjadi sebuah agensi pelancongan yang bukan sahaja mampu membawa masuk pelancong tetapi juga membawa pelancong ke luar negara.

M1 Hebat! Apakah strategi agensi Padma dalam memastikan perniagaan ini terus berkembang?

F1 Bapa saudara saya akan dapatkan bas-bas persiaran untuk membawa pelancong. Kawan-kawan saya juga berjanji untuk membuat kandungan digital mengenai agensi kami manakala rakan-rakan media akan membuat promosi.

M1 Apakah cabaran bagi syarikat Padma sekarang?

F1 Saya dapati jumlah pelancong tidak begitu ramai seperti dahulu; perbelanjaan untuk melancong semakin tinggi. Lebih ramai orang juga semakin bimbang tentang kesan pelancongan terhadap ekosistem. Mereka juga suka melancong di dalam negara sendiri. Ini adalah antara cabaran-cabaran yang besar bagi kami.

M1 Terima kasih Padma! ****

(Pause 15 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from *** to **** then pause 15 seconds.)*

https://xtremepape.rs/

M1 Soalan-soalan 29 hingga 34

M1 Anda akan mendengar temu bual antara Johan dengan Marina tentang pengalamannya mengembara seorang diri menaiki kereta api ke negara-negara di Eropah. Anda akan mendengar temu bual ini sebanyak dua kali.

M1 Ada tempat berhenti semasa temu bual.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B**, **C** atau **D**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca soalan-soalan berikut.

(Pause 1 minute.)

M1 * Helo Marina. Sungguh menarik pengalaman Marina! Boleh Marina perkenalkan diri?

F1 Ya, sudah tentu boleh! Saya baru sahaja pulang dari merantau di beberapa buah negara Eropah dengan menaiki kereta api. Saya berasal dari keluarga yang suka mengembara! Saya rasa tiba masanya saya merantau seorang diri tanpa keluarga atau kawan. Saya juga pernah mengembara dengan kawan-kawan sebelum ini.

M1 Pada pendapat Marina bilakah masa yang sesuai untuk mengembara seorang diri?

F1 Saya rasa masa yang sesuai ialah semasa masih belajar. Kalau sudah ada tanggungjawab di pejabat atau dengan keluarga sendiri, memang susah. Jadi, saya mesti pergi sebelum saya teruskan pengajian di universiti.

M1 Apakah yang Marina buat sebagai persediaan sebelum perjalanan ini?

F1 Sebelum saya memulakan perjalanan, saya telah tempah dan bayar tambang kapal terbang dari Malaysia ke London, tambang kereta api dari London sehingga destinasi terakhir saya, penginapan dan makanan dan lain-lain. Saya hanya membawa sedikit wang tunai untuk kecemasan sahaja. Saya takut tercicir atau paling buruk, dirampas atau dicuri orang! Saya ada kawan di beberapa destinasi tetapi saya tidak mahu ganggu mereka.

(Pause 15 seconds.)

M1 Semasa perjalanan bagaimanakah Marina kendalikan apa-apa kecemasan?

F1 Beberapa kali perjalanan tergendala disebabkan cuaca buruk seperti di Switzerland. Kami terpaksa tunggu sehingga cuaca lebih baik sebelum meneruskan perjalanan. Tempahan bilik saya di Zurich dibatalkan. Nasib baik saya membeli insurans. Saya dapat ganti rugi daripada syarikat kereta api, dan saya juga diberi bilik lain. Begitu juga semasa saya terseliuh kaki di Itali, saya dapat rawatan percuma sebab saya ada insurans perubatan. Ibu bapa saya mahu saya pulang!

M1 Adakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan?

F1 Sudah tentu ada. Seperti makanan yang membuat saya sakit perut, atau tempat tinggal yang indah. Tapi, semasa saya tertinggal beg penuh alat kamera dan juga laptop di sebuah kampung berhampiran dengan Frankfurt, seorang wanita warga emas terus menelefon anaknya untuk mencari di tempat terakhir saya di situ. Saya tidak boleh berbahasa Jerman! Nasib baik mereka jumpa beg saya!

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

M1 Apakah pengalaman ini telah mengubah diri Marina?

F1 Ya, saya tidak lagi bergantung kepada sesiapa. Ibu bapa saya juga mahu pengembaraan kereta api semasa ulang tahun perkahwinan mereka! Saya sudah bersedia melanjutkan pelajaran dan cari pekerjaan yang sesuai dengan jiwa saya. Saya cuma mahu percutian biasa.

M1 Terima kasih Marina! **

(Pause 15 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar temu bual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to ** then pause 15 seconds.)*

https://xtremepape.rs/

M1 Soalan-soalan 35 hingga 37

M1 Anda akan mendengar perbualan antara Manjeet dengan Amani tentang pemuliharaan haiwan air, tuntung. Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak dua kali.

M1 Ada dua tempat berhenti semasa perbualan ini.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A**, **B**, **C**, **D** atau **E**.

M1 Sekarang anda ada beberapa saat untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

(Pause 45 seconds.)

M1 * Amani, boleh ceritakan tentang usaha kamu untuk menyelamatkan tuntung?

F1 Saya terlibat sejak saya melawat Terengganu. Sebelum ini saya tidak pernah tahu apa-apa tentang nasib haiwan ini.

M1 Apakah yang membuat Amani begitu terkesan?

F1 Semasa berjalan-jalan, saya ternampak seekor tuntung terperangkap dalam beg plastik. Barang yang dibuang seperti beg plastik merbahaya bagi haiwan ini. Mereka mungkin tidak dapat bernafas.

M1 Apakah yang Amani lakukan?

F1 Kawan saya memberitahu tentang Persatuan Pemuliharaan Tuntung. Saya tidak dapat lupa apa yang terjadi kepada tuntung pertama yang saya lihat itu. Saya berjanji akan menolong persatuan ini untuk menyelamatkan tuntung dan mengajar orang ramai tentang cara-cara melindungi haiwan-haiwan ini.

M1 Siapa lagi yang membantu?

F1 Pelancong. Ada yang datang dari jauh.

(Pause 20 seconds.)

M1 Bagaimanakah orang dari luar negara boleh terlibat?

F1 Portal media sosial persatuan ini yang mempromosikan usaha-usaha menyelamatkan dan menambahkan populasi tuntung telah mendapat perhatian sebuah sekolah di Australia.

M1 Dan sambutan mereka?

F1 Mereka teruja melihat tuntung menetas. Tapi mereka bimbang haiwan ini akan pupus. Mereka tolong lepaskan anak-anak tuntung ke dalam sungai untuk melonjakkan balik jumlah tuntung.

M1 Mereka buat apa lagi?

F1 Mereka mengutip sampah dan membersihkan pantai. Orang yang berkelah dan bersantai di pantai tidak sedar beg-beg plastik dan tali boleh menjerat tuntung. Saya malu dengan tabiat orang tempatan yang tidak prihatin.

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

M1 Bagaimana untuk beri kesedaran?

F1 Selalu buat kempen kesedaran. Adakan ceramah dan ajar orang tempatan cara-cara menjaga tuntung dan penyu.

(Pause 20 seconds.)

M1 Apakah rancangan masa depan Amani?

F1 Saya tubuhkan kumpulan Sahabat Tuntung yang terdiri daripada kawan-kawan yang kagum dengan kumpulan dari Australia ini. Kami melawat sekolah-sekolah untuk bercerita tentang haiwan-haiwan ini.

M1 Hebat!

F1 Kami perlu mengajar kanak-kanak ini dari awal melalui cerita dan pementasan. Kami memupuk semangat cinta terhadap alam sekitar dan haiwan.

M1 Ada kesan positif?

F1 Para pelajar membuang dan membersihkan sampah, melepaskan anak-anak tuntung ke dalam sungai. Anak-anak muda dari negara jiran juga menghubungi kami untuk tujuan ini. Negara-negara ini juga ada tuntung.

M1 Sungguh memberangsangkan!

F1 Kami ada rancangan untuk masa depan yang melibatkan kerjasama dengan negara-negara jiran. Kami akan melawat negara-negara ini untuk melihat usaha mereka. Tukar-menukar pendapat sangatlah penting.

M1 Terima kasih Amani! **

(Pause 45 seconds.)

M1 Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua

*(Repeat from * to ** then pause 45 seconds.)*

M1 Sekarang anda diberi masa selama enam minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

E There will now be six minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

(Pause 6 minutes.)

M1 Ujian tamat. Sila tutup buku jawapan anda.

E This is the end of the examination.

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.

© Cambridge University Press & Assessment 2026

https://xtremepape.rs/